

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Y.B Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana kelembapan ekonomi dunia serta kejatuhan harga ringgit mengakibatkan kesan langsungnya ke atas ekonomi Malaysia.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia kini berhadapan pelbagai cabaran disebabkan ketidaktentuan ekonomi yang berlaku. Antaranya adalah faktor luaran seperti harga minyak mentah dan harga komoditi utama yang masih rendah, pasaran kewangan global masih tidak stabil serta penyederhanaan ekonomi negara China. Faktor luaran ini juga memberi impak kepada kelembapan ekonomi dunia dan kejatuhan harga ringgit. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia turut terkesan dari ketidaktentuan ekonomi ini. Namun begitu, Malaysia bukan berada dalam keadaan krisis memandangkan asas ekonomi Malaysia masih kukuh dan ekonomi masih berkembang.

Malaysia masih lagi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.3% pada separuh tahun pertama 2015. Prestasi ini disokong antara lain oleh asas struktur ekonomi yang pelbagai dan tidak terlalu bergantung kepada mana-mana sektor atau komoditi. Sebahagian besar ekonomi Malaysia kini dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan, dengan kedua-duanya menyumbang hampir dua pertiga kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Kejatuhan nilai matawang Ringgit telah membuka kepada negara untuk bersaing dalam pasaran eksport kerana produk tempatan menjadi lebih kompetitif. Langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani ketidaktentuan ekonomi semasa dijangka akan dapat mengurangkan impak kejatuhan nilai matawang Ringgit ke atas ekonomi

negara. Kejatuhan nilai ringgit bukanlah faktor semata-mata untuk mengukur prestasi ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi negara juga boleh diukur melalui antara lain, pertumbuhan KDNK negara, akaun semasa imbalan pembayaran dan kadar eksport negara.